

POLITIK MODEN BANYAK CABARAN

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan kestabilan politik, kejayaan ekonomi dan keharmonian masyarakat tidak boleh dipisahkan daripada soal keselamatan negara.

Perdana Menteri berkata, tanpa ciri-ciri ini, segala peralatan dan kelengkapan perang tidak dapat menghalang musuh daripada menguasai atau menakluki sesebuah negara dan membentuk sebuah kerajaan boneka.

Berucap merasmikan Persidangan Kebangsaan Pertama Mengenai Keselamatan anjuran Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (Isis) di sini, beliau berkata, jika dilihat di segi ketenteraan, Malaysia tidak mempunyai musuh kecuali keglatan pengganas komunis.

"Tetapi kita menghadapi gerakan atau negara yang secara disadari atau tidak berusaha mengancam keselamatan negara ini. Contohnya di bidang ekonomi, Malaysia kini menghadapi kelembapan ekonomi yang disebabkan oleh tindak-tanduk kuasa-kuasa luar," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun amat sukar untuk mengesyaki mana-mana musuh negara yang berbuat demikian, tetapi hakikatnya ialah harga beberapa barangan negara seperti kelapa sawit merosot ke paras yang amat rendah.

"Tindak-tanduk seperti itu menyebabkan ekonomi negara-negara penge-

16 JUL 1986

luar barangan itu terjejas dan menyebabkan kadar pengangguran bertambah," katanya.

Beliau berkata, adalah jelas kesulitan di bidang ekonomi satu ancaman besar terhadap keselamatan negara dan kegagalan menyedari ancaman ini akan menyebabkan keadaan politik tidak stabil dan kesan kelembapan ekonomi negara bertambah teruk.

Oleh itu, tegasnya, pengurusan yang cekap dan pandangan yang tepat terhadap ekonomi negara amat penting bagi melengkapkan strategi keselamatan negara.

Perdana Menteri juga menegaskan dalam dunia moden masa kini, soal pertahanan dan keselamatan negara adalah tanggungjawab setiap warganegara.

Menurutnya, keselamatan negara sepatutnya menjadi perhatian berat rakyat dan mereka tidak sepatutnya membenarkan sesiapa pun mengancamnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, di segi ekonomi, Malaysia mencapai kejayaan kerana mencatat kadar pertumbuhan antara enam hingga lapan peratus setahun.

Perdana Menteri berkata, dunia moden sememangnya menentang pemerintahan diktator kerana ia percaya kepada sistem demokrasi yang berdasarkan keputusan golongan majoriti, sungguhpun ada setengah-setengah daripada mereka tidak tahu mengenai politik dan hak-hak mereka.

"Tetapi yang menjadi masalah ialah adanya golongan oportunis, penipu dan orang luar negeri yang berpeluang mempengaruhi pengundi-pengundi untuk menentukan keadaan politik negara," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, politik moden sering terdedah kepada keadaan tidak stabil, kecuali jika kerajaan sesebuah negara itu kuat dan mampu menggunakan cara-cara yang tidak disenangi untuk mengawal ketenteraman awam dan menjaga kedaulatan undang-undang.

Selain itu, masalah sosial juga mengancam keselamatan negara kerana jika negara itu mempunyai rakyat pelbagai kaum dan agama, pengasingan dan pertentangan antara mereka sering berlaku.